

# Pengundi tentukan kemajuan Serdang

SERDANG: Pengundi di kawasan Serdang perlu terus memberi sokongan padu kepada kerajaan yang diterajui Barisan Nasional (BN) bagi memastikan pembangunan berterusan di kawasan segi tiga Serdang-Bangi-Putrajaya.

Calon BN bagi kerusi parlimen itu, Datuk Yap Pian Hon berkata, kerajaan sudah memajukan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan manakala Bangi pula sebagai pusat akademik dan pendidikan tinggi.


"Jadi, bagi memastikan pembangunan kawasan segi tiga Serdang-Bangi-Putrajaya ini dapat berjalan lancar seperti dirancang, masyarakat setempat da-

lam kawasan parlimen Serdang perlu memberi sokongan padu kepada BN.

"Penduduk Serdang tentu tidak mahu kawasan mereka ketinggalan atau dipinggirkan daripada arus perdana pembangunan negara. Justeru, mereka tidak harus melepaskan peluang pembangunan yang dirancang itu," katanya, semalam.

Beliau berkata, konsep perancangan bagi memajukan kawasan segi tiga berkenaan pernah dilaksanakan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) beberapa tahun lalu.

Menurutnya, kedudukan Serdang di tengah-tengah Koridor Raya Multimedia (MSC) antara Kuala Lumpur



**YAP...beri peluang**

sebagai ibu negara dan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan, pembangunan kawasan itu perlu seiring dengan dua bandar berkenaan.

"Bagi memastikan pembangunan yang dirancang di Serdang dapat dilaksanakan mengikut jadual termasuk meningkatkan lagi kemudahan infrastrukturnya, sokongan padu rakyat dan pengundi di kawasan ini diperlukan," katanya.